

KEDUDUKAN MAZHAB SYAFTI DALAM IBADAT DI MALAYSIA

Oleh:
*Anisah Ab. Ghani**

ABSTRACT

The Shafi‘ite school dominates the practices among Muslim society in Malaysia especially in matters pertaining to ibadat. The influence of other schools are not significant. Although administration acts and enactments of the states empower the related authorities to make decision based on Maqasid Syariah, not many cases pertaining to ibadat were decided on the principle compared to cases on muamalat.

PENDAHULUAN

Malaysia adalah negara yang meletakkan mazhab Syafi‘i di kedudukan paling utama dalam semua aspek hukum, terutama dalam bidang ibadat. Kedudukan utama ini membuatkan pihak bertanggungjawab di Malaysia terikat dengan mazhab ini dalam menentukan hukum ke atas sesuatu benda, perkara atau amalan. Keterikatan ini sampai ke tahap tidak menerima pandangan mazhab-mazhab lain selagi dalam mazhab Syafi‘i masih ada pendapat mengenai kes itu, sekalipun ia pendapat yang *marjūh* dalam mazhab itu. Dengan kata lain; apabila sesuatu kes timbul, hukum kes itu akan dirujuk dalam mazhab Syafi‘i terlebih dahulu.

* Prof. Madya, Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Pendapat *marjūh*, *muqābil al-asah* atau *da‘īf* mazhab Syafi‘i akan diutamakan sekalipun pendapat itu sama dengan pendapat *rājiḥ* atau jumhur mazhab lain.

KEDUDUKAN UTAMA MAZHAB SYAFI‘I

Kedudukan utama mazhab Syafi‘i di Malaysia dapat dilihat dari beberapa aspek.

Kitab-kitab yang digunakan

Boleh dikatakan semua bentuk pengajian yang berlaku dalam masyarakat, baik pengajian di pondok-pondok, di madrasah atau sekolah-sekolah agama, masjid dan surau, kecuali di IPT, menggunakan kitab-kitab mazhab Syafi‘i. Kitab-kitab mazhab lain boleh dikatakan tidak dimanfaatkan dalam pengajian-pengajaran terbabit.

Kitab-kitab fiqh bahasa Melayu dalam Mazhab Syafi‘i

Boleh dikatakan majoriti kitab-kitab fiqh yang berada di pasaran di Malaysia yang ditulis dalam bahasa Melayu adalah kitab-kitab mazhab Syafi‘i. Kitab-kitab fiqh mazhab lain hampir tidak wujud dalam pasaran Malaysia. Hanya akhir-akhir ini terdapat terjemahan kitab-kitab fiqh tulisan ulama-ulama semasa yang tidak terikat dengan mana-mana mazhab mula berada di pasaran, seperti penulisan Dr. Wahbah al-Zuhāīlī, Dr. Yūsuf al-Qaraḍāwī. Ini menunjukkan dominasi yang menebal mazhab Syafi‘i dalam masyarakat Islam di Malaysia.

Fatwa Majlis Agama Negeri

Malaysia terbentuk daripada 14 buah negeri termasuk Wilayah Persekutuan. Setiap negeri mempunyai mufti dan majlis fatwa masing-masing yang berautoriti mengeluarkan fatwa. Hanya fatwa ini yang dikuatkuasakan dalam negeri terbabit. Fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh majlis fatwa negeri-negeri ini akan terikat dengan pendapat mazhab Syafi‘i. Pendapat mazhab lain hanya akan digunakan setelah tiada pendapat mazhab Syafi‘i dalam kes terbabit atau ada tetapi pandangan itu bertentangan dengan

kepentingan awam. Keterikatan ini dapat dilihat dalam enakmen Majlis-majlis Agama Islam negeri-negeri.

Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Negeri Kelantan Bil.2 tahun 1966 menyatakan Jemaah Ulama' mesti memakai pandangan muktamad mazhab Syafi'i. Sekiranya ia bersalahan dengan kepentingan awam, pandangan mazhab selain daripada Syafi'i boleh dipakai setelah mendapat keizinan khas daripada Sultan. Sekiranya pandangan lemah (*da'if*) Syafi'i masih tidak bersesuaian dengan kepentingan awam, dengan keizinan daripada Sultan, pandangan daripada mazhab mu'tabar lain boleh dipakai.¹

Maksud yang sama terdapat dalam enakmen Majlis-majlis Agama Islam di negeri-negeri lain dengan bahasa dan pendekatan yang berbeza yang mungkin sedikit sebanyak membawa penafsiran yang sedikit berbeza, kecuali Negeri Perlis yang menyatakan pegangan dengan mazhab Ahli Sunnah Wa al-Jama'ah.²

Hukuman oleh hakim Mahkamah Syariah

Hakim-hakim Mahkamah Syariah juga terikat dengan mazhab Syafi'i dalam menjatuhkan hukuman. Mufti diberi kuasa membatalkan keputusan yang dibuat oleh hakim Mahkamah Syariah sekiranya hukuman itu tidak bertepatan dengan hukum syarak atau diputuskan *da'if* dalam mazhab Syafi'i. Dalam surat kuasa yang diberikan semasa perlantikan mufti, antara lain kuasa itu ialah:

Tiap-tiap guaman yang telah diputuskan oleh hakim-hakim Mahkamah Syariah jika tiada betul dengan hukum syarak atau diputuskan dia dengan dhaif pada mazhab Syafi'i, maka berkuasalah mufti itu membatalkan hukuman itu serta memberi fatwa kepadanya dengan qawl yang muktamad dalam mazhab Syafi'i dan berkuasalah mufti menyuruh hakim-hakim itu memutuskan kes yang diappeal oleh anak

¹ Lihat enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Negeri Kelantan Bil.2 tahun 1966.

² Sila rujuk enakmen Majlis-majlis Agama Islam Negeri.

guaman itu mengikut bagaimana fatwanya yang berbetulan dengan hukum syarak.³

Pernyataan ini jelas menunjukkan hukuman hakim Mahkamah Syari‘ah yang berdasarkan *qawl da‘if* menurut mazhab Syafi‘i boleh dibatalkan oleh mufti dan mengantikannya dengan *qawl muktamad* dalam mazhab itu.

ANJAKAN

Seperti yang telah dijelaskan keterikatan dengan mazhab Syafi‘i ini membuatkan sebarang hukum yang akan diputuskan mufti atau memperakukan apa-apa pendapat mestilah mendahuluikan *qawl muktamad* dalam mazhab Syafi‘i. Namun demikian akhir-akhir ini terdapat anjakan yang ingin melepaskan diri daripada keterikatan dengan mazhab Syafi‘i. Pemerhatian teliti terhadap arus pegangan fiqh di Malaysia akhir-akhir ini menunjukkan semacam ada dua aliran:

Pertama, aliran yang menekankan pegangan fiqh yang tidak mahu terikat dengan mana-mana mazhab. Aliran ini mengajak masyarakat merujuk terus pegangan fiqh kepada al-Quran dan Sunnah. Aliran *al-lā madhhabiyyah* (اللامذهبية) ini setakat ini masih belum dapat diterima masyarakat, umum atau fuqaha’.

Kedua, aliran yang menekankan pegangan fiqh yang masih berpegang kepada mazhab tetapi tidak terikat dengan mazhab tertentu. Pegangan fiqh akan menerima pakai pendapat mana-mana mazhab atas dasar pendapat itu lebih *rājiḥ* dari sudut hujah atau lebih mampu menjana maslahah atau menolak mudharat, sekalipun ia merupakan pendapat *marjūḥ*, *muqābil al-aṣāḥ* atau *da‘if*.

Anjakan ini dapat dilihat pada kuasa yang diberi kepada mufti untuk memfatwakan mengikut *qawl muktamad* dalam mana-mana tiga mazhab muktabar; Hanafi, Maliki atau Hanbali

³ Surat perlantikan Mufti Haji Wan Musa oleh Sultan Muhamad iv disebut dalam Prosiding Seminar Kebangsaan Usul Fiqh 2004, hal: 181

sekiranya melaksanakan *qawl* muktamad mazhab Syafi'i tidak dapat menjana maslahah atau tidak mampu menolak mudharat.

Malah mufti diberi kuasa membuat keputusan mengikut hematnya sendiri tanpa terikat dengan *qawl* muktamad dalam mana-mana empat mazhab tersebut sekiranya dia mendapati pelaksanaan *qawl* muktamad itu tidak dapat menjana maslahah dan tidak mampu menolak mudharat. Ini dapat dilihat dengan jelas dalam Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah Persekutuan) 1993 Syeksyen 39:

1. Dalam mengeluarkan apa-apa fatwa di bawah Seksyen 34 atau memperakukan apa-apa pendapat di bawah Seksyen 38, mufti hendaklah pada lazimnya mengikut pandangan-pandangan diterima (qaul muktamad) mazhab Syafi'i.
2. Jika mufti berpendapat bahawa dengan mengikut qaul muktamad mazhab Syafi'i akan membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, mufti bolehlah mengikut qaul muktamad mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali.
3. Jika mufti berpendapat bahawa tiada satu pun qaul muktamad daripada empat mazhab itu boleh diikut tanpa membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, mufti bolehlah menyelesaikan persoalan itu mengikut hematnya sendiri tanpa terikat dengan qaul muktamad daripada mana-mana mazhab yang empat itu.⁴

Perenggan ketiga sangat jelas memberikan kuasa kepada mufti membuat keputusan tanpa terikat dengan mana-mana mazhab. Yang penting keputusannya itu dapat menyelesaikan kepentingan awam. Dalam keadaan ini beliau bebas memilih *qawl da'if*, *marjūh* atau *muqābil al-asāḥ*. Malah boleh memutuskan mengikut pendapatnya sendiri. Yang penting penyelesaian itu dapat menjana maslahah dan menolak mudharat.

⁴ Abdul Monir Yaacob (2004), "Maqāṣid Syarī'ah : Konsep dan Hubungannya Dengan Nilai-nilai Semasa Di Malaysia Dalam Menentukan Hukum" dalam Paizah Hj. Ismail dan Ridzwan Ahmad (ed.), *Fiqh Malaysia*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, hh. 182-183.

CONTOH ANJAKAN DALAM PENGAMALAN IBADAT

Anjakan dari terikat kepada qawl muktamad mazhab Syafi'i kepada pendapat lain sama ada dari kalangan Syafi'iyyah atau mazhab lain dapat dilihat dalam kes-kes berikut sebagai contoh .

Dalam kes-kes solat

i. Solat jamak kerana sakit atau hajat

Mengikut pendapat Imām Syafi'i solat tidak boleh dijamak atas alasan sakit atau hajat. Namun mengikut pendapat Syafi'iyyah, seperti al-Nawawi, Qādīd Husain, al-Rafi'i al-Mutawallī, al-Khaṭṭabī solat boleh dijamak atas alasan sakit atau hajat.⁵

Pengamatan membuktikan bahawa pendapat Syafi'iyyah ini telah diamalkan oleh masyarakat Islam di Malaysia. Namun tidak dapat dipastikan apakah pengamalan ini didasarkan kepada pengetahuan dan dengan penuh sedar berpindah dari *qawl al-aṣāḥ* kepada *qawl muqābil al-aṣāḥ*.

ii. Solat menghormati waktu dalam keadaan tidak mampu berwuduk

Menurut pendapat sahih mazhab Syafi'i mukalaf wajib menunaikan solat mengikut keadaan yang dia berada. Mukalaf yang dipenjara dan tidak mendapat air untuk berwuduk atau tanah untuk bertayammum dia wajib solat tanpa wuduk. Mukalaf yang terperangkap di kawasan luas berlumpur dan tiada air wajib menunaikan solat tanpa wuduk. Solat ini dilakukan sebagai menghormati waktu. Mukalaf wajib mengulang semula (إعادة) solatnya. Manakala pendapat kedua tidak wajib solat, tetapi digalakkan dan ia wajib qadha, samada dia solat atau tidak. Pendapat ketiga beliau haram ia solat dan wajib qadha. Pendapat keempat wajib solat dan tidak wajib mengulang semula.⁶

⁵ Abu Zakariyyā Muhyi al-Dīn bin Syaraf Al-Nawawi (1995), *al-Majmū‘ Syarḥ al-Muhadhdhab*, j. 4. Beirut: Dār al-Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabi, h. 263.

⁶ *Ibid.*, h. 322.

Jawatankuasa Penasihat Ibadat Haji telah memutuskan semua jemaah haji yang menaiki pesawat pergi dan balik dari Tanah Suci Mekah supaya menunaikan solat menghormati waktu. Keputusan ini dibuat atas alasan syarikat penerangan tidak membenarkan penggunaan air untuk berwuduk kerana penggunaan air yang tidak terkawal dalam pesawat dibimbangi akan membahayakan. Penggunaan debu untuk bertayammum juga tidak dibenarkan.

Pengamatan menunjukkan majoriti jemaah haji tidak menunaikan solat untuk menghormati waktu. Namun tidak dapat dipastikan apakah tindakan ini diambil berdasarkan pendapat *muqābil al-āṣāḥ* atau kerana jahil atau tidak peka terhadap penunaian solat.

Dalam kes-kes ibadat haji

- i. *Batal wuduk kerana bersentuh silang jantina ajnabi semasa tawaf*

Qawl aṣāḥ atau *qawl masyhūr* dalam mazhab Syafi‘i bahawa bersentuhan kulit antara silang jantina ajnābī membatalkan wuduk secara mutlak; dengan syahwat atau tidak. *Qawl marjūh* mazhab ini berpendapat wuduk hanya akan batal jika sentuhan disertai dengan syahwat.⁷

Amalan yang dipraktikkan jemaah haji Malaysia berdasarkan keputusan yang dibuat Jawatan Kuasa Penasihat Ibadat Haji telah melalui beberapa perubahan.

Di peringkat awal pendapat yang digunakan ialah *qawl al-āṣāḥ* mazhab Syafi‘i. Oleh kerana mengamalkan *qawl al-āṣāḥ* ini mendatangkan *masyaqqaḥ*, jawatankuasa terbabit memutuskan supaya jamaah haji boleh bertaklid dengan mazhab Maliki dan Hanbali yang berpendapat bahawa sentuhan silang jantina ajnābī yang membatalkan wuduk adalah sentuhan yang disertai syahwat. Keputusan ini diamalkan sehingga ke tahun 2004.

Keputusan ini juga tidak dapat menyelesaikan masalah. Kekeliruan berlaku dalam cara mengambil wuduk, di mana mereka yang bertaklid dengan mazhab Maliki dan Hanbali mesti berwuduk dengan cara wuduk kedua-dua mazhab tersebut.

⁷ *Ibid.*, h. 29.

Bagi menyelesaikan kekeliruan ini Jawatankuasa Penasihat Ibadat Haji telah menasihati jamaah haji yang tidak mahu bertaklid dengan mazhab Hanafi supaya mengambil *qawl muqābil al-aṣḥar* mazhab Syafi‘i yang berpendapat batal wuduk orang yang menyentuh. Manakala wudhuk orang yang disentuh tidak batal.⁸

Keputusan ini juga tidak dapat mengangkat *masyaqqah* di kalangan jemaah haji. Sukar untuk menentukan siapa yang menyentuh dan siapa yang kena sentuh. Akhirnya jawatankuasa terbabit telah memutuskan boleh beramal dengan *qawl marjūh* mazhab Syafi‘i dalam semua keadaan yang ada *masyaqqah* semasa melakukan ibadat haji, seperti semasa tawaf dan lainnya.⁹

Setakat ini keputusan terakhir ini telah dapat menyelesaikan isu ini di kalangan jamaah haji.

ii. Kes wanita dilarang musafir tanpa mahram

Qawl al-aṣḥah dalam mazhab Syafi‘i mengatakan bahawa wanita boleh bermusafir untuk mengerjakan haji wajib dengan mahram atau suami, atau sekumpulan wanita *thiqah*. Wanita tidak boleh bermusafir untuk umrah sunat atau haji sunat hanya dengan kumpulan wanita *thiqah* sahaja. *Qawl muqābil al-aṣḥah*, wanita harus bermusafir untuk apa tujuan sekalipun tanpa mahram dengan syarat aman fitnah dan selamat perjalanan. Al-Māwardī menyebutkan ada di kalangan Syafi‘iyah yang mengharuskan wanita bermusafir dengan kumpulan wanita *thiqah* sahaja.¹⁰

Permasalahan timbul dalam dua keadaan:

- a. Jemaah haji wanita yang telah sampai di Makkah ingin melakukan umrah sunat tanpa mahram. Pengamatan menunjukkan jamaah haji wanita Malaysia telah mengerjakan umrah sunat berdasarkan *qawl muqābil al-aṣḥah*.
- b. Wanita yang bermusafir mengerjakan umrah sunat lain dari musim haji. Mereka juga mengamalkan *qawl muqābil al-aṣḥah* mazhab Syafi‘i dengan bermusafir tanpa mahram dan berpada dengan kumpulan wanita *thiqah* sahaja.

⁸ Lembaga Tabung Haji (2002), *Soal Jawab Haji dan Umrah*. Kuala Lumpur: Lembaga Tabung Haji, hh. 82-83.

⁹ Muzakarah Haji Kebangsaan ke 21, 5-7 Jun 2005.

¹⁰ Al-Nawawī (1995), *op.cit.*, j. 8, h. 311.

iii. Wanita mengerjakan haji tamattu` mengalami haid semasa tawaf

Dalam mazhab Syafi‘i haji wanita yang mengalami haid setelah memulakan tawaf ‘umrah bagi haji tamattu`, sekalipun hanya baru bermula selangkah, dan beliau tidak akan suci sehingga masa berangkat wuquf di

‘Arafah, hajinya tidak sah kerana beliau tidak boleh menukarkan niat haji tamattu` kepada haji qiran. Mengikut mazhab Maliki beliau dibolehkan menukar niat haji tamattu` kepada haji qiran jika didatangi haid sebelum solat sunat tawaf dan beliau dikenakan dam qiran.¹¹

Jawatankuasa Penasihat Ibadat Haji telah membuat keputusan jamaah haji wanita yang mengalami keadaan ini boleh bertaklid dengan mazhab Maliki dengan menukar niat haji tamattu` kepada haji qiran. Keputusan ini didasarkan kepada kemaslahatan jamaah haji. Jika berpegang dengan mazhab Syafi‘i wanita tersebut tidak mendapat haji pada tahun tersebut. Beliau terpaksa melakukannya pada tahun hadapan.¹²

iv. Wanita mengalami haid selepas tahallul awal sebelum melakukan tawaf ifadah dan haid tidak suci sehingga tarikh pulang ke negara asal

Dalam mazhab Syafi‘i, sekiranya beliau tidak dapat melakukan tawaf *ifadah* dan tidak dapat menukar tarikh peneranganan sehingga haidnya suci beliau dianggap masih berada dalam ihram dan hajinya tidak sempurna. Untuk membebaskan dirinya daripada keadaan ihram, beliau wajib membayar dam *ihsar* dengan menyembelih seekor kambing, dan menggunting rambut dengan niat *bertahallul*. Haji wanita itu belum sempurna. Beliau dikehendaki menyempurnakan hajinya dengan mengerjakan tawaf dan *sa'i* pada tahun-tahun berikutnya yang dia mampu.¹³

¹¹ Ibn Ḥajar al-Haitamī (t.t.), *Syarḥ al-‘Iddah Fī Manāsik al-Hajj*, hh. 156-157; ‘Abd Rahmān al-Jazīrī (t.t.), *al-Fiqh ‘Alā Madhāhib al-Arba‘ah*, j. 1. Beirut : Dār al-Ḥiyā’ al-Turāth al-‘Arabi, h. 621.

¹² Lembaga Tabung Haji, *op.cit.*, h. 96.

¹³ Muḥammad al-Khaṭīb Al-Syarbīnī (t.t.), *Mughnī al-Muhtāj*, j. 1. Damsyik: Dār al-Fikr, h. 533.

Menurut mazhab Hanafi, wanita tersebut boleh melakukan tawaf sekalipun dalam keadaan haid. Namun demikian beliau dikenakan dam seekor unta. Hajinya dikira sempurna.¹⁴

Jawatankuasa Penasihat Ibadat Haji telah memutuskan jamaah haji boleh menerima pakai pendapat mazhab Hanafi. Keputusan ini dibuat untuk memelihara kemaslahatan jemaah haji wanita yang mengalami keadaan demikian.

v. *Fatrah al-Naqā'*

Fatrah al-Naqā' ialah darah haid terhenti dalam tempoh kebiasaan haid. Mengikut pendapat *al-aṣah* mazhab Syafi'i, *Fatrah al-naqā'* dikira sebagai haid. Pendapat *muqābil al-aṣah* darah yang terhenti dalam tempoh 24 jam atau lebih semasa tempoh haid dikira suci daripada haid.¹⁵

Kalau mengikut *qawl al-aṣah* jamaah haji wanita yang mengalami keadaan ini tidak boleh melakukan tawaf. Jawatankuasa Penasihat Ibadat Haji memutuskan jamaah haji wanita boleh menerima pakai *qawl muqābil al-aṣah*. *Fatrah al-naqā'* dikira suci. Wanita terbabit boleh bersuci dan melakukan tawaf.¹⁶

vi. *Solat jamak di 'Arafah dan Mina*

Mengikut *qawl al-aṣah* mazhab Syafi'i jamaah haji tidak boleh menjamak solat semasa di 'Arafah dan Mina kerana mereka telah berstatus bermukim. Mengikut *qawl* Syafi'iyyah, mereka dibolehkan menjamak solat kerana ada hajat dan *masyaqqah*.¹⁷

Muzakarah Haji ke 22, 5-7 Mei 2006 telah memutuskan jamaah haji boleh berpegang dengan *qawl* Syafi'iyyah yang membolehkan mereka sembahyang *jamak tamām*. Keputusan ini dibuat berdasarkan ada *masyaqqah* semasa berada di 'Arafah dan Mina.

¹⁴ Wahbah al-Zuhaylī (1985), *al-Fiqh al-Islāmī Wa Adillatuh*, j. 3. Damsyik: Dār al-Fikr, hh. 163-164.

¹⁵ Muḥammad al-Khaṭīb Al-Syarbīnī (1981), *al-Iqnā' fī hall Alfaż Abī Syūjā'*, j. 1. Damsyik: Dār al-Fikr, h. 379.

¹⁶ Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan ke 17 (1422H).

¹⁷ Al-Nawawi, *op.cit*, j. 4, h. 263.

Dalam kes-kes zakat fitrah

Mengikut pendapat Imām Syafi'i zakat fitrah wajib dikeluarkan ialah makanan asasi penduduk sesebuah negeri. Oleh itu tidak harus mengeluarkan wang sebagai ganti daripada makanan.¹⁸ Menurut mazhab Hanafi zakat fitrah mestilah dikeluarkan dalam bentuk makanan asasi dalam negeri. Membayar zakat fitrah dengan harga makanan adalah dibolehkan.¹⁹

Dari sudut amalannya Malaysia telah menerima pakai pendapat mazhab Hanafi. Berpindah dari makanan kepada nilai makanan berdasarkan kepada perintah raja. Perintah ini mengambil kira hal-hal berikut:

- i. Asnaf yang lapan, terutama fakir miskin lebih suka menerima wang berbanding beras, kerana wang lebih memenuhi hajatnya.
- ii. Menyimpan wang lebih selamat dan mudah.
- iii. Beras menyusahkan pihak pemungut zakat fitrah dan terdedah kepada kerosakan dalam jangka waktu tertentu.²⁰

KESIMPULAN

1. Dominasi mazhab Syafi'i, terutama dalam kes-kes ibadat dalam masyarakat Islam di Malaysia masih kuat, sekalipun terdapat sedikit anjakan dalam kes-kes di mana mengamalkan pendapat Syafi'i akan membawa kepada keadaan yang bertentangan dengan kemaslahatan awam.
2. Masyarakat umum orang Islam di Malaysia masih sukar menerima anjakan dari mazhab Syafi'i kepada mazhab lain. Ini kadangkala membuatkan pihak-pihak berwajib terpaksa 'menyelongkar' pendapat dalam mazhab Syafi'i untuk mencari hukum yang dapat diterima oleh masyarakat, sekalipun

¹⁸ *Ibid.*, j. 6, h. 81.

¹⁹ Ibn Qudāmah (1981), *Al-Mughnī*, j. 3. Riyadh: Maktabah al-Riyād al-Ḥadīthah, h. 65.

²⁰ Abdullah Basmih (1985), *Panduan Zakat, Sedekah dan Khairat*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, hh. 58-59.

pendapat itu *da‘īf* dan sekalipun pendapat *da‘īf itu* sama dengan pendapat yang kuat mazhab lain.

3. Pada hakikatnya enakmen atau akta pentadbiran Agama Islam di negeri-negeri telah memberikan kuasa bertahap yang sangat luas kepada pihak berwajib mengeluarkan fatwa, keputusan atau penilaian untuk memutuskan kes-kes yang dibincangkan mengikut pendapat mazhab lain, malah mengikut hemah mereka sendiri, asalkan keputusan itu dapat menjana maslahah atau menolak mudarat. Namun demikian kuasa ini tidak banyak dimanfaatkan dalam memutuskan kes-kes ibadat.
4. Isu *talfiq* atau *takhayyur madhab* (تخيير مذهب) banyak menimbulkan kekeliruan kepada masyarakat awam sehingga membuatkan mereka sukar untuk menerima pandangan mazhab lain dari mazhab Syafi‘i.

SARANAN

1. Usaha mendidik masyarakat memahami bahawa semua mazhab fiqh dalam Islam adalah benar mestilah dipertingkatkan. Mereka harus difahamkan bahawa mengamalkan pendapat mana-mana mazhab selain mazhab Syafi‘i adalah tidak salah.
2. Oleh kerana isu *talfiq* dalam kes ibadat telah banyak menimbulkan kekeliruan, isu *talfiq* perlu dibincang dengan lebih jelas lagi. Persoalannya, kenapa *talfiq* hanya timbul dalam kes-kes ibadat tetapi ia semacam tidak ditimbul dan tidak dipertikaikan dalam kes-kes muamalat.
3. Pihak berwajib dalam memutuskan hukum atau membuat penilaian ke atas sesuatu perkara atau benda mestilah lebih terbuka membuat penilaian berdasarkan tuntutan *maqāsid Syari‘ah* yang dijelmakan dalam keputusan-keputusan yang dapat menjana maslahah dan mampu menolak mudarat.